

Bahagian A [30 markah]

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 60 minit yang pertama bagi menjawab bahagian ini.

1 “Barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam sesebuah ekonomi sentiasa tidak dapat memenuhi kehendak masyarakat”. Pernyataan tersebut menggambarkan konsep

- A pilihan
- B kos lepas
- C kekurangan
- D permintaan

2 Antara yang berikut, yang manakah merupakan barang awam?

- A Kesihatan
- B Pendidikan
- C Pertahanan
- D Pengangkutan

3 Andaikan fungsi permintaan pasaran dan penawaran pasaran bagi baju masing-masing adalah $Q_d = 50 - 3P$ dan $Q_s = 20 + 2P$. Di mana Q_d ialah kuantiti permintaan dan Q_s ialah kuantiti penawaran dan P ialah harga. Jika harga pasaran ialah RM4.00, maka berlaku lebih

- A Penawaran sebanyak 10 unit.
- B Penawaran sebanyak 20 unit.
- C Permintaan sebanyak 10 unit.
- D Permintaan sebanyak 20 unit.

4 Diberi fungsi permintaan $Q_d = 100 - 5P$ dan harga asal adalah RM10.00. Jika harga baru meningkat sebanyak 20%, daripada harga asal, berapakah perubahan kuantiti yang diminta berlaku?

- A Meningkat 20%.
- B Menurun 20%.
- C Meningkat 80%
- D Menurun 80%.

5 Yang manakah benar tentang keluk penawaran satu barang?

- A Keluk penawaran mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.
- B Cukai akan menyebabkan keluk penawaran berpindah ke kanan.
- C Keluk penawaran diterbitkan daripada keluk kos sut pada pelbagai tingkat harga.
- D Keluk penawaran barang yang anjal penawarannya akan memotong paksi harga.

[Lihat sebelah
SULIT*

6 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga dan kuantiti diminta bagi mangga.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
0	25
1	20
2	15
3	10
4	5
5	0

Jika fungsi penawaran mangga adalah ialah $Q_s = 4 + 2P$, berapakah harga keseimbangan mangga tersebut?

- A RM2.00
- B RM3.00
- C RM4.00
- D RM5.00

7 Andaikan fungsi permintaan asal dan penawaran asal masing-masing ialah $Q_d = 10 - 2P$ dan $Q_s = 5 + 2P$. Jika kerajaan mengenakan cukai sebanyak RM2.00 perunit, hitung peratus perubahan kuantiti keseimbangan.

- A Meningkat 26.67%
- B Meningkat 33.33%
- C Menurun 26.67%
- D Menurun 33.33%

8 Jika keanjalan permintaan harga bagi sesuatu barang adalah anjal, barang tersebut adalah barang

- A biasa
- B perlu
- C mesti
- D mewah

9 Antara berikut, manakah **bukan** merupakan faktor yang menyebabkan permintaan menjadi tak anjal?

- A Tiada pengganti
- B Kurang penting
- C Sedikit kegunaan
- D Tidak tahan lama

[Lihat sebelah
SULIT*

10 Penurunan harga sesuatu barang yang keanjalan permintaan harganya anjal, jumlah hasil akan

- A berkurang
- B bertambah
- C tidak berubah
- D berkurang sedikit

11 Jika nilai keanjalan permintaan silang antara dua jenis barang adalah positif, kedua-dua barang tersebut mungkin

- A milo dan vico
- B pen dan kertas
- C kereta dan petrol
- D makanan dan pakaian

12 Jika nilai keanjalan permintaan pendapatan bagi barang R lebih besar daripada satu, barang R adalah

- A ikan
- B garam
- C berlian
- D beras hancur

13 Seorang pengguna akan memaksimumkan kepuasan daripada penggunaan satu barang apabila

- A utiliti sut sama dengan harga
- B utiliti sut per ringgit adalah sama
- C jumlah utiliti sut adalah maksimum
- D jumlah utiliti per ringgit adalah minimum

[Lihat sebelah
SULIT*

- 14 Jadual di bawah menunjukkan jumlah utiliti barang Z pada setiap tingkat output.

Output (unit)	Jumlah Utiliti (util)
1	30
2	46
3	58
4	66
5	70

Sekiranya harga barang Z ialah RM12 seunit, output yang memaksimumkan utiliti ialah


- A 2 unit
 - B 3 unit
 - C 4 unit
 - D 5 unit
- 15 Apabila harga suatu barang jatuh, pengguna akan
- A menambahkan penggunaan barang tersebut supaya utiliti sutnya berkurang
 - B menambahkan penggunaan barang tersebut supaya utiliti sutnya meningkat
 - C mengurangkan penggunaan barang tersebut supaya utiliti sutnya berkurang
 - D mengurangkan penggunaan barang tersebut supaya jumlah utilitinya meningkat
- 16 Antara berikut, yang manakah menyebabkan kos purata berada dalam keadaan meningkat atau menurun?
- A Kos tetap purata menurun
 - B Kos tetap purata meningkat
 - C Kos berubah purata meningkat
 - D Kos berubah purata menurun
- 17 Hukum pulangan berkurangan mengandaikan bahawa fungsi pengeluaran menggunakan
- A satu input tetap
 - B dua input tetap
 - C buruh yang mahir
 - D tingkat teknologi canggih

[Lihat sebelah
SULIT*

SULIT*

6


18 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos purata (AC) dan keluk kos berubah purata (AVC).



Berapakah nilai X?

- A RM 6.50
- B RM 8.33
- C RM 10.00
- D RM 22.00

19 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos sut (MC) dan hasil sut (MR) sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna.



Output yang memaksimumkan untung firma ialah

- A Q0
- B Q1
- C Q2
- D Q3

[Lihat sebelah
SULIT*

944/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

20 Jadual di bawah menunjukkan output dan jumlah kos bagi sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna.

Output (unit)	1	2	3	4	5	6	7	8
Jumlah kos (RM)	100	160	190	230	280	360	460	610

Sekiranya harga output ialah RM80.00 perunit, berapakah tingkat output yang memaksimumkan untung firma ini ?

- A 4 unit
- B 5 unit
- C 6 unit
- D 7 unit

21 Firma dalam pasaran persaingan sempurna akan bertindak meningkatkan output apabila


- A hasil sut melebihi kos sut firma
- B hasil sut adalah lebih kecil daripada kos sut firma
- C jumlah hasil melebihi jumlah kos yang ditanggung firma
- D jumlah hasil menunjukkan peningkatan yang sangat ketara

22 Berikut adalah ciri – ciri perbezaan antara firma pasaran persaingan sempurna dengan firma bermonopoli **kecuali**

- A jenis barangan
- B kecekapan pengeluaran
- C kecekapan peruntukkan
- D keuntungan firma jangka panjang

[Lihat sebelah
SULIT*

23 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos purata jangka panjang (LAC), dan keluk kos sut jangka panjang (LMC), keluk hasil purata (AR), dan keluk hasil sut (MR) bagi firma persaingan sempurna dalam jangka panjang.



Berapakah kuantiti output pada titik tutup firma ?

- A OQ
- B OQ1
- C OQ2
- D OQ3

24 Ciri utama yang membezakan antara pasaran persaingan bermonopoli dengan pasaran lain ialah

- A persaingan harga
- B persaingan bukan harga
- C matlamat pengeluaran
- D keuntungan jangka panjang

25 Firma bermonopoli dan oligopoli sama dari segi ciri


- A persaingan bukan harga
- B kebebasan keluar masuk
- C kuasa menentukan harga
- D mobiliti faktor pengeluaran

[Lihat sebelah
SULIT*

26 Antara yang berikut, yang manakah tidak dapat membezakan antara firma persaingan sempurna dengan firma monopoli dalam jangka panjang ?

- A Jenis keluaran
- B Matlamat firma
- C Kecekapan peruntukkan
- D Keuntungan jangka panjang

27 Rajah di bawah menunjukkan keluk – keluk kos sut (MC), hasil sut (MR) dan hasil purata (AR) sebuah firma.



Firma ini akan memperolehi untung normal sekiranya kos purata menyentuh titik

- A P
- B Q
- C R
- D S

28 Dalam jangka panjang, titik keseimbangan sebuah firma persaingan bemonopoli menghadapi keadaan

- A kos purata sama dengan kos sut
- B harga lebih tinggi daripada kos sut
- C kos purata lebih tinggi daripada hasil purata
- D hasil sut menjadi lebih tinggi daripada hasil purata

[Lihat sebelah
SULIT*

29 Jika keluaran hasil sut buruh (MRP) lebih besar daripada kos sut buruh (MCF), firma akan

- A** menambah bilangan buruh
- B** mengurang bilangan buruh
- C** menambah tingkat upah buruh
- D** mengurang tingkat upah buruh

30 Keluk permintaan buruh bagi sesebuah firma ditentukan oleh keluk

- A** kos surut buruh
- B** kos purata buruh
- C** keluaran hasil sut buruh
- D** keluaran hasil purata buruh

[Lihat sebelah
SULIT*

Bahagian B [30 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 50 minit bagi menjawab bahagian ini.

- 1 Jelaskan perbezaan antara *barang percuma* dengan *barang ekonomi*. [6]

- 2 Dengan menggunakan rajah yang sesuai, terangkan kesan terhadap permintaan daging lembu tempatan apabila;
 - (a) harga daging lembu yang diimport lebih mahal. [3]
 - (b) harga daging lembu tempatan meningkat. [3]

- 3 Huraikan tiga faktor yang menyebabkan keanjalan permintaan harga sesuatu barang tidak anjal. [6]

- 4 (a) Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan mengenai *lebih pengguna* dan bagaimana ianya dihitung. [4]
(b) Pada gambar rajah yang sama, tunjukkan kesan pemberian *subsidi* oleh kerajaan kepada pengeluar ke atas *lebih pengguna*. [2]

- 5 Dengan memberikan contoh yang sesuai, jelaskan maksud *kos eksplisit* dan *kos implisit*. [6]

- 6 Terangkan **tiga** cara firma dalam pasaran persaingan bermonopoli membezakan keluarannya. [6]

- 7 Bincangkan tiga tujuan penubuhan kesatuan sekerja. [6]

- 8 (a) Jelaskan maksud memiliknegerakan syarikat. [2]
(b) Huraikan 2 sebab kerajaan memiliknegerakan syarikat-syarikat tertentu. [4]

[Lihat sebelah
SULIT*]

Bahagian C [20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

- 9** Terangkan kesan ke atas harga dan kuantiti keseimbangan getah asli apabila
- (a) pekerja menuntut kenaikan upah. [5]
 - (b) harga getah tiruan turun. [5]
- 10** Dengan menggunakan gambar rajah, tunjukkan bagaimana ekonomi bidangan dalaman dan disekonomi bidangan dalaman mempengaruhi bentuk keluk kos purata jangka panjang. [10]
- 11** Huraikan perbezaan antara firma pasaran persaingan sempurna dengan firma pasaran persaingan bermonopoli pada keseimbangan jangka panjang [10]
- 12** Terangkan kesan ke atas harga dan kuantiti keseimbangan sesuatu barang apabila;
- (a) kerajaan meningkatkan cukai jualan ke atas setiap unit barangan. [5]
 - (b) kerajaan mengenakan kawalan harga maksimum. [5]

[Lihat sebelah
SULIT*

Bahagian D [20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

13 Persamaan permintaan dan penawaran bagi kasut adalah seperti berikut;

$$Q_d = 10 - 2P$$

$$Q_s = -2 + 4P$$

Di mana Q_d ialah kuantiti permintaan dan Q_s ialah kuantiti penawaran dan P ialah tingkat harga.

- (a) Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk permintaan dan penawaran. [3]
- (b) Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan? [2]
- (c) Jika fungsi penawaran berubah menjadi $Q_s = -2 + 2P$, berapakah harga dan kuantiti yang baru. [2]
- (d) Lukiskan keluk penawaran yang baru di atas graf yang asal. [1]
- (e) Nyatakan 2 faktor yang menyebabkan peralihan keluk penawaran ke kanan. [2]

14 Persamaan kos pengeluaran sebuah firma diberi seperti berikut:

$$TC = 90 + 25Q \text{ di mana;}$$

$$TC = \text{Jumlah kos (RM)}$$

$$Q = \text{Kuantiti output (kg)}$$

- (a) Berapakah nilai kos tetap? [1]
- (b) Hitung kos berubah dan jumlah kos yang terlibat dalam proses pengeluaran bagi output 1 hingga output 8 kg. [2]
- (c) Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk-keluk jumlah kos tetap, jumlah kos berubah dan jumlah kos. [4]
- (d) Berdasarkan graf, nyatakan kuantiti output firma ketika kos tetap sama dengan kos berubah. [1]
- (e) Tentukan nilai kos berubah purata dan kos tetap purata berdasarkan output dalam (c) di atas. [2]

[Lihat sebelah
SULIT*]

15 Jadual di bawah menunjukkan data permintaan dan jumlah kos sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna.

Kuantiti barang X (unit)	Jumlah kos (RM)
1	120
2	180
3	220
4	280
5	360
6	480

- (a) Jika harga barang X ialah RM80.00 perunit, hitung hasil sut dan kos sut firma ini. [4]
- (b) Lukis keluk kos sut dan hasil sut firma ini. [3]
- (c) Berapakah kuantiti barang X yang memaksimumkan untung firma ini? [2]
- (d) Dalam jangka panjang berapakah harga barang X pada keseimbangan? [1]

[Lihat sebelah
SULIT*

16 Jadual di bawah menunjukkan jumlah keluaran fizikal bagi setiap tingkat penggunaan buruh.

Buruh (unit)	Jumlah keluaran fizikal (unit)
0	0
1	4
2	11
3	20
4	27
5	33
6	33
7	31

(a) Jika harga keluaran seunit di pasaran RM5, hitung jumlah hasil, keluaran hasil purata dan keluaran hasil sut. [3]

(b) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk keluaran hasil purata dan keluaran hasil sut. [3]

(c) Jika upah seorang buruh ialah RM 25, berapakah jumlah buruh yang akan digunakan oleh firma tersebut. [1]

(d) Jika upah buruh meningkat ke RM 30, apakah yang akan dilakukan oleh firma ke atas buruh dan berapakah bilangannya. [2]

(e) Berapakah jumlah maksima upah buruh yang mampu dibayar oleh firma tersebut? [1]

[Lihat sebelah
SULIT*